

TARIKH: 3/6/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 11

Kolaborasi UTM, agensi kerajaan

Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjalin kolaborasi dengan agensi kerajaan dan pihak industri bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan universiti itu.

UTM dalam satu kenyataan berkata, kerjasama bersama agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pihak industri UBF Maintenance Sdn Bhd serta Decathlon Malaysia mampu meningkatkan kualiti modal insan sebagai tenaga kerja mahir bertaraf dunia.

"Jalinan kerjasama ini adalah salah satu inisiatif strategik pemeraksanaan hubungan UTM dengan pihak industri bagi memastikan

universiti ini terus unggul dalam konteks graduan berkemahiran bagi memenuhi pasaran kerjaya di Malaysia," menurut UTM, semalam.

Menerusi kolaborasi itu, JPK menawarkan perkongsian kepakaran dalam pelaksanaan program kemahiran khususnya menerusi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang memberi lebih peluang kepada pelajar untuk bekerja dalam suasana pekerjaan sebenar berdasarkan kompetensi dan standard pekerjaan.

Kerjasama dengan UBF Maintenance dan Decathlon membolehkan pelajar meraih pelbagai manfaat menerusi aktiviti pembangunan kerjaya yang dilaksanakan Pusat Kerjaya UTM.

Harian Metro
3/6/23 ms 11